

**ANALISA PENGURUSAN PUSAKA BERWASIAIT DAN PUSAKA TIDAK  
BERWASIAIT DALAM PERANCANGAN HARTA PUSAKA DI MALAYSIA**

**Shahrina Romli\***

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa,  
Universiti Melaka  
shahrina@unimel.edu.my

*\*Corresponding author*

---

**Received Date:** 02 Mei 2021

**Accepted Date:** 15 September 2021

**Published Date:** 25 December 2021

---

**ABSTRAK**

Perancangan harta pusaka amatlah dititikberatkan bagi mengembangkan harta pada waris-waris yang akan datang. Agama Islam amat menggalakkan umatnya agar membuat perancangan terhadap harta kekayaan yang menjadi milik mereka. Pengurusan dan perancangan yang baik dan telus akan membawa keberkatan kepada harta dan pemilik, diri, keluarga dan Masyarakat. Kertas kerja ini akan menganalisa perbincangan berkaitan pengurusan harta pusaka berwasiat dan pusaka tidak berwasiat. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kajian perpustakaan dengan mengkaji pelbagai rujukan daripada artikel, jurnal, dokumentasi dan lain-lain. Dapatkan hasil kajian memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan dan persamaan antara pengurusan harta pusaka berwasiat dan harta pusaka tidak berwasiat yang mana perbezaan dan persamaan tersebut sangat memberikan kepentingan dalam membuat perancangan harta pusaka.

**Kata kunci:** Pengurusan, harta pusaka berwasiat, harta pusaka tidak berwasiat.

**ANALYSIS OF THE MANAGEMENT OF TESTAMENT AND INTESTINATE ESTATE  
IN ESTATE PLANNING IN MALAYSIA**

**ABSTRACT**

*Inheritance planning is very important to develop wealth for future heirs. Islam strongly encourages its people to make plans for the wealth that belongs to them. Good and transparent management and planning will bring blessings to property and owner, self, family and Society. This paper will analyze discussions related to the management of testamentary and intestate inheritance. This study is in the form of a qualitative study using library research by studying various references from articles, journals, documentation and others. The results of the study show that there are differences and similarities between the management of a willed estate and an intestate estate, which differences and similarities are very important in making estate planning.*

*Keywords:* Management, testamentary estate, intestate estate,

**PENDAHULUAN**

Perancangan harta yang baik bukan sahaja mampu menyumbang kepada kebahagiaan insan di dunia tetapi juga mengaitkan kebahagiaan di akhirat kerana ia juga menjamin ganjaran pahala yang berterusan di akhirat selagi mana harta itu digunakan ke arah jalan yang ditetapkan oleh Syarak. Bagi menjamin pengurusan harta yang sempurna, maka ia memerlukan kepada perancangan yang rapi dan sistematik untuk mengelakkan permasalahan yang buruk terjadi. Perancangan terhadap pembahagian harta semasa hidup adalah aspek yang harus diperaktikkan dengan lebih meluas. Melalui perancangan pembahagian harta ia mampu menjaga kepentingan pemilik dan bakal penerima-penerima harta sama ada semasa hidup mahupun selepas kematian (Mohd Zaidi Daud, 2015).

Merancang pengurusan harta sebelum kesempitan datang menimpa merupakan satu perancangan harta yang terbaik kerana kita boleh menentukan ke arah mana harta kita hendak ditujukan dan penentuan penerima adalah yang terpenting supaya harta kita akan digunakan dengan sebaik-baiknya ke arah jalan yang direhui Allah SWT. Merancang harta pusaka banyak memberi kebaikan kepada kedua-dua golongan iaitu pemilik dan penerima harta. Pemilik harta akan melalui kehidupan hariannya dengan penuh kegembiraan dalam mempertingkatkan usaha untuk mengumpul harta kerana sentiasa mengingati bahawa harta yang dikumpulkan ini adalah unuk warisnya kelak dan sentiasa berusaha untuk mendapatkan rezeki yang halal dan sah di sisi Syarak kerana hartanya kelak akan diwarisi oleh waris-waris yang lain dan mustahil mereka akan mewarisi hartanya daripada harta yang syubhah ataupun tidak halal dan sekiranya ia terjadi warisan harta itu akan diwarisi turun temurun.

Manakala bagi penerima harta pula, mereka akan menerima harta tersebut dengan hati yang terbuka dan tidak akan timbul rasa tidak puashati berkaitan pembahagian harta tersebut kerana ianya sudah ditentukan oleh si mati kadar setiap bahagian seseorang untuk mendapat harta tersebut. Keadaan yang sebegini baiknya, maka pergaduhan dan persengketaan dapat dielakkan kerana masing-masing telah berpuas hati dengan bahagian yang ditentukan oleh si mati semasa hidupnya (Mohd Fitri, 2007).

## **PENGURUSAN HARTA PUSAKA BERWASIAH (*TESTATE*) DAN PUSAKA TIDAK BERWASIAH (*INTESTATE ESTATE*)**

Harta pusaka berwasiat (*testate*) merupakan harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati berserta wasiat. Wasiat dalam erti kata sebenar adalah pengakuan seseorang yang dibuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk digunakan bagi tujuan kebajikan atau apa-apa tujuan yang dibenarkan oleh Undang-undang Islam selepas kematianya (Resali bin Muda, 2016). Ini bermakna keputusan memberi pemilikan harta atau manfaat adalah selepas kematian pemberi wasiat. Walaubagaimanapun, wasiat dalam Islam tertakhluk kepada satu pertiga daripada hartanya sahaja. Manakala bagi orang bukan Islam, wasiat tertakhluk kepada Akta Wasiat, 1959. Harta Pusaka Tidak Berwasiat (*Intestate Estate*) pula membawa maksud bahawa si mati meninggal dunia tanpa membuat wasiat atau tanpa sempat membuat wasiat.

Dalam konteks di Malaysia, pengurusan dan pentadbiran harta pusaka orang Islam agak unik berbanding di negara-negara lain bukan sahaja berpunca daripada perbezaan agama, adat resam dan budaya hidup masyarakat majmuknya, malah ia turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain termasuklah perundangan yang digunakan dan diwarisi dari penjajah Inggeris sejak sekian lama. Dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam yang melibatkan harta pusaka berwasiat ini, ia termasuk dalam kategori harta pusaka besar (biasa) di mana harta pusaka besar (biasa) didefinisikan sebagai harta pusaka yang jumlah nilaiannya lebih daripada RM2 juta sama ada terdiri daripada harta alih semuanya atau harta tak alih semuanya atau campuran di antara harta alih dengan harta tak alih. Harta pusaka besar (biasa) ini juga termasuk harta yang ditinggalkan oleh si mati tetapi ada meninggalkan wasiat walaupun nilainya kurang daripada RM2 juta. (Mohd Zamro Muda, et.al, 2008).

Sekiranya seseorang meninggal dunia dengan meninggalkan wasiat, maka *wasi* nya hendaklah mendapatkan probet wasiat daripada Mahkamah Tinggi. Permohonan probet wasiat terpakai kepada semua orang di Malaysia tanpa mengira agama. Hal ini bermakna jika seseorang Islam meninggalkan wasiat, *wasi* nya perlu memohon probet daripada Mahkamah Tinggi Sivil juga. Namun begitu, bagi orang Islam, bentuk dan sifat wasiat mereka dan kesahihan wasiat dikawal oleh Mahkamah Syariah. Hal ini bermakna bagi orang Islam, sebelum membuat permohonan probet untuk wasiat, *wasi* hendaklah terlebih dahulu memohon daripada Mahkamah Syariah yang wasiat itu sah.

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 telah dikuat kuasakan pemakaianya di seluruh Semenanjung Malaysia pada 1hb Februari 1960. Probet ini merupakan suatu pemberian di bawah materi Mahkamah yang memberi kuasa kepada *wasi* atau *wasi-wasi* yang dinamakan di dalam surat wasiat untuk pentadbiran harta pusaka pewasiat (seksyen 2, Akta Probet dan Pentadbiran 1959). Probet juga ialah suatu tindakan untuk memperakui dan mengesahkan sesuatu wasiat yang ditinggalkan oleh si mati. Tujuan probet ialah untuk memberi pengiktirafan kepada sesuatu wasiat yang sah di sisi undang-undang. Menurut seksyen 3(1), Akta Probet dan Pentadbiran 1959, probet boleh diberikan kepada *wasi* yang dilantik oleh sesuatu wasiat (Noor Aziah Mohd Awal, 2007).

## **ANALISA PERBEZAAN DAN PERSAMAAN ANTARA PENTADBIRAN PUSAKA BERWASIAH DAN PENTADBIRAN PUSAKA TIDAK BERWASIAH**

Berdasarkan kedua-dua pentadbiran pusaka ini, Terdapat beberapa perkara yang sama dan berbeza di antara kedua-duanya di dalam kategori-kategori tertentu. Kategori-kategori tersebut

adalah perbezaan dari segi definisi, perlantikan *wasi*, permohonan, jumlah nilai harta pusaka besar, akta untuk orang bukan Islam dan tempoh masa (Jadual 1) dan (Jadual 2) di bawah adalah dirujuk.

Jadual 1: Perbezaan antara pentadbiran pusaka berwasiat dan pusaka tidak berwasiat

Pusaka Berwasiat	Perbezaan	Pusaka tidak berwasiat
1. <i>Wasi</i> yang dilantik oleh si mati hendaklah memohon terlebih dahulu surat kuasa Probet di Mahkamah Tinggi Sivil untuk mengiktiraf kuasa <i>wasi</i> sebagai pentadbir harta.	Permohonan	Permohonan untuk pusaka tidak berwasiat dilihat kepada dua kategori sama ada ianya harta pusaka kecil atau harta pusaka besar. Sekiranya ia harta pusaka kecil, permohonan tuntutan boleh dibuat di Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah Negeri.
2. Si mati meninggal dunia dengan meninggalkan wasiat	Definisi	Si mati meninggal dunia tanpa meninggalkan wasiat
3. Bagi tuntutan harta pusaka besar untuk orang bukan Islam yang mati meninggalkan wasiat adalah di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959.	Akta untuk orang bukan Islam	Bagi tuntutan harta pusaka kecil untuk orang bukan Islam yang tidak meninggalkan wasiat ialah di bawah Akta Pembahagian 1958.
4. Harta pusaka besar termasuk juga harta yang ditinggalkan oleh si mati tetapi ada meninggalkan wasiat dan nilainya kurang RM2 juta.	Jumlah nilai harta pusaka besar	Harta pusaka besar terdiri daripada harta alih dan harta tak alih yang jumlah nilainya melebihi RM2 juta dan tidak ada wasiat.
5. Jangkamasa bergantung kepada sesuatu kes dan kebiasaannya dapat diselesaikan dengan cepat setelah <i>wasi</i> mendapat surat kuasa tadbir dan kes terus diproses mengikut arahan di dalam wasiat kerana semuanya sudah lengkap dan tidak perlu lagi untuk membuat pencarian harta.	Tempoh masa	Jangka masa minima memproses tuntutan harta pusaka kecil bagi kes biasa adalah dalam tempoh lima bulan setengah tetapi bagi kes yang melibatkan kematian berlapis dan harta yang berada di daerah berlainan, jangka masa proses mungkin melebihi tempoh di atas kerana pencarian harta perlu dicari terlebih dahulu kerana si mati tidak berwasiat.
6. Si mati sendiri yang menulis wasiat, melantik pentadbir harta, mengenal pasti nilai harta dan menentukan siapa penerima harta tersebut.	Pelantikan <i>wasi</i>	Waris yang perlu melantik pentadbir harta pusaka. Jika ARB dilantik sebagai pentadbir, maka ARB yang menguruskan harta pusaka bagi pihak waris.

Manakala bagi persamaan untuk pentadbiran pusaka berwasiat dan pusaka tidak berwasiat adalah seperti digambarkan di dalam jadual 2 di bawah. Persamaan tersebut dilihat daripada jenis pemakaian undang-undang, pengesahan daripada Mahkamah Syariah dan dari segi tuntutan permohonan.

Jadual 2: Persamaan antara pentadbiran pusaka berwasiat dan pusaka tidak berwasiat.

<b>Pusaka Berwasiat</b>	<b>Persamaan</b>	<b>Pusaka Tidak Berwasiat</b>
1. Akta Probet dan Pentadbiran 1959 digunakan untuk mendapatkan surat kuasa Probet dari Mahkamah tinggi bagi memberi kuasa kepada <i>wasi</i> sebagai pentadbir harta.	Pemakaian Undang-undang	Menggunakan juga Akta Probet dan Pentadbiran 1959 bagi kes harta pusaka besar bagi si mati yang tidak meninggalkan wasiat tetapi nilai hartanya lebih RM2 juta.
2. Wasiat yang membabitkan orang Islam dikawal oleh Mahkamah Syariah kerana ianya berfungsi untuk menentukan kesahihan sesuatu wasiat	Pengesahan daripada Mahkamah Syariah	Pembahagian pusaka bagi orang Islam mestilah mengikut hukum faraid dan ianya perlu kepada pengesahan daripada Mahkamah Syariah untuk menentukan bahagian harta dengan mengeluarkan sijil faraid.
3. Jika pemohon menuntut surat kuasa tadbir atau probet secara persendirian maka perlu menyediakan seorang atau dua orang penjamin yang akan menandatangani surat ikatan ikrar ( <i>bond</i> )	Tuntutan Permohonan	Mereka yang diberi surat kuasa tadbir (selain daripada Pegawai Pentadbir Pusaka atau Pemegang Amanah Raya) hendaklah mendapatkan seorang atau dua orang penjamin untuk menandatangani surat ikatan ikrar ( <i>bond</i> ).

## KESIMPULAN

Wasiat memberi seseorang itu ruang untuk merancang dan mentadbir harta pusakanya mengikut kehendak masing-masing tanpa mengenepikan hukum Syarak. Individu yang mati dengan meninggalkan harta pusaka berwasiat adalah merupakan satu tindakan yang tepat demi menjaga keharmonian hubungan persaudaraan dan tindakan ini dapat mempercepatkan proses tuntutan dalam permohonan untuk mendapatkan hak masing-masing tanpa perlu melalui tempoh dan jangka masa yang lama untuk menyelesaiannya berbanding sekiranya si mati meninggal dengan tidak berwasiat kerana ia memerlukan prosedur dan jangka masa yang lama untuk meluluskan permohonan tuntutan kerana di sana terdapat banyak cabaran dan permasalahan yang kesemua masalah itu timbulnya daripada pihak ahli waris, pihak pentadbiran ataupun daripada pihak-pihak tertentu samada secara langsung ataupun tidak langsung yang boleh menjadikan sesuatu keadaan untuk diselesaikan itu menjadi semakin rumit.

## **RUJUKAN**

- Mohd Fitri Abdul Rahman, 2007, *Bagaimana Mengurus Harta Pusaka*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang, Abdul Basir Mohamad & Md Yazid Ahmad. 2008. *Pengantar Undang-Undang dan pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Muhamad Husni Hasbulah & Mohd Zaidi Daud, 2015, Perancangan Pembahagian Harta Semasa Hidup dalam Islam: Konsep dan Kepentingannya, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Aziah Mohd Awal, 2007, Warisan Pusaka dalam Keluarga, *Undang-Undang Keluarga Sivil*, Jil. 9, Bab 10, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Resali bin Muda, 2016, Harta Pusaka Islam di Malaysia: antara Perundangan dan Pentadbiran, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.